

PERSKINDOL COOL GEL

Levomenthol 7.00% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PERSKINDOL COOL GEL
2. Bagaimana PERSKINDOL COOL GEL berfungsi
3. Sebelum menggunakan PERSKINDOL COOL GEL
4. Cara menggunakan PERSKINDOL COOL GEL
5. Semasa menggunakan PERSKINDOL COOL GEL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PERSKINDOL COOL GEL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

Apakah kegunaan PERSKINDOL COOL GEL

PERSKINDOL COOL GEL digunakan untuk memberi kelegaan untuk sakit otot dan mengurangkan bengkak selepas tergeliat, otot tegang, terkehel, lebam dan kecederaan.

Bagaimana PERSKINDOL COOL GEL berfungsi

Kesan penyejukan PERSKINDOL COOL GEL melegakan sakit otot dan mengurangkan bengkak.

Sebelum menggunakan PERSKINDOL COOL GEL

- Bila tidak boleh mengguna
Jangan gunakan PERSKINDOL COOL GEL apabila reaksi alahan terhadap mana-mana bahan dalam produk ini.

- Sebelum mula mengguna
Kehamilan dan penyusuan bayi
Seperti mana-mana ubat, jika anda hamil atau menyusui bayi, dapatkan nasihat ahli profesional kesihatan sebelum menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Tiada maklumat.

Cara menggunakan PERSKINDOL COOL GEL

- Berapa banyak harus digunakan

Dengan lembut sapu nipis pada bahagian yang sakit dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan apabila diperlukan.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan apabila diperlukan.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda ingat.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tiada gejala terlebih dos yang pernah direkodkan.

Semasa menggunakan PERSKINDOL COOL GEL

- Perkara yang perlu dilakukan

Jauhi dari kanak-kanak. Untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan bersentuhan dengan mata.

Bukan untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan PERSKINDOL COOL GEL apabila reaksi alahan terhadap satu atau lebih minyak pati diketahui.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan PERSKINDOL COOL GEL apabila reaksi alahan terhadap satu atau lebih minyak pati diketahui.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Tindak balas hipersensitiviti, termasuk dermatitis kontak (Martindale, 36th Edition)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui

laman web npra.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan PERSKINDOL COOL GEL

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Tanyalah ahli farmasi anda mengenai cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

PERSKINDOL COOL GEL merupakan gel homogen biru muda, jernih hingga hampir jernih, dengan bau mentol aromatik dan minyak lemon (lemon oil).

- Bahan-bahan kandungan

- **Bahan aktif**

Levomenthol.

- **Bahan tidak aktif**

Bahan-bahan lain ialah *purified water*, *isopropyl alcohol*, *carbopol*, *trometamol*, *lemon oil*, *peppermint oil*, dan *Spectracol Patent Blue V*.

- Nombor MAL

MAL23016026XCRS

Pengilang

Glaropharm AG,
Sändli, 8756 Mitlödi,
Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn Bhd
No. 15 Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit
Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor, Malaysia

Tarikh Kemaskini

28/08/2024

Nombor Siri

NPRA (R2/2)240808/1324